

15/02/1998

Kegawatan tidak halang Malaysia buat alat pesawat

KUALA LUMPUR: Kegawatan ekonomi di rantau ini tidak menghalang Malaysia menerokai bidang pengeluaran alat pesawat komersil komposit bertaraf dunia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, masa depan bidang itu sebagai pelaburan jangka panjang juga tidak seharusnya dipersoalkan lagi kerana masalah ekonomi serantau tidak akan berpanjangan.

"Kami yakin perniagaan yang bersifat jangka panjang bukan sahaja mampu bertahan, tetapi mencapai kejayaan.

"Ini adalah pelaburan untuk masa depan yang akan mengambil masa untuk membinanya ... kilang, kemahiran dan lain-lainnya. Ketika itu kami berharap jerebu yang melanda dunia kewangan serta jerebu lain akan lenyap," katanya kepada pemberita semalam.

Sebelum itu, Perdana Menteri menyaksikan pemeteraian perjanjian usahasama di antara Sime Darby Bhd, Malaysia Helicopters Services Bhd (MHS), Boeing dan Hexcel Corporation untuk membina kilang pengeluaran peralatan komposit di Taman Perindustrian Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Boeing dalam kenyataan pula menyatakan bahawa berdasarkan ekonomi semasa dan ramalan pasaran, ia serta Hexcel tidak menduga sebarang pemberhentian kerja hasil usahasama itu.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Boeing, Phil Condit yang menandatangani bagi pihak Boeing dalam majlis itu berkata projek itu bukannya program pertukaran tetapi pelaburan jangka panjang Boeing.

(END)